

31/KLIA/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

CUBAAN BERLEPAS ‘FLY PASSPORT’, WARGA INDONESIA DITAHAN DI KLIA

SEPANG, 3 Ogos 2025 – Seorang lelaki warga Indonesia berusia 33 tahun telah dikesan memiliki cap keselamatan yang mencurigakan semasa melalui pemeriksaan imigresen di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2 sekitar jam 6.30 petang semalam.

Hasil siasatan awal mendapati lelaki tersebut memasuki Malaysia melalui pintu masuk Pasir Gudang, Johor pada 18 Julai 2022 dan direkodkan keluar dari negara ini melalui KLIA pada 13 Ogos 2022. Namun begitu, terdapat beberapa cap keselamatan pergerakan keluar dan masuk atas nama subjek bermula tahun 2022 hingga 2025 yang menimbulkan keraguan.

Pemeriksaan lanjut melalui Sistem MyIMMs menunjukkan tiada sebarang rekod rasmi pergerakan keluar atau masuk bagi subjek sepanjang tempoh tersebut.

Hasil keterangannya kepada pegawai penyiasat, subjek mengaku tidak pernah meninggalkan Malaysia sejak tahun 2022, sekali gus menimbulkan persoalan berkenaan kesahihan cap-cap keselamatan yang terdapat pada pasport miliknya, sebanyak RM4,000.00 dibelanja sebagai bayaran untuk mendapatkan cap tersebut.

AKPS KLIA akan melakukan siasatan lanjut bagi mengenalpasti dalang yang bertanggungjawab melakukan aktiviti ‘flying’ ini dan membawa perkara ini untuk tindakan tatatertib dan kesalahan jenayah bagi pemalsuan dokumen perjalanan atau sebarang pelanggaran undang-undang imigresen yang lain.

Gambar Berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1pPtwoKZJMAJRtMy-LjFxax0CbPek6dGD?usp=share_link

TAMAT

3 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI